

29 OCT 2001

Mahathir-IWK

ADA SYARIKAT MINAT AMBIL ALIH IWK

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beberapa syarikat melahirkan minat terhadap syarikat pebetungan, Indah Water Konsortium Sdn Bhd, yang kini dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan.

"Kita sedang mengkajinya." kata Perdana Menteri pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Persatuan Bekalan Air Antarabangsa (IWA) mengenai Pengurusan Air dan Air Buangan untuk Negara-negara Membangun di sini.

Katanya syarat yang dikenakan oleh kerajaan ialah sesiapa yang terlibat sepatutnya tidak bergantung kepada bantuan kerajaan dan mereka hendaklah membuat pelaburan.

"Kosnya sangat tinggi. Ia membabitkan kira-kira RM8 bilion hingga RM10 bilion bagi tempoh masa 10 tahun. Jadi, jika ada sesiapa yang memiliki RM10 bilion yang hendak dilaburkan, beritahu saya," kata Dr Mahathir.

Kerajaan telah mengambil alih syarikat yang dibebani hutang itu dan pada masa ini memegang keseluruhan 100 peratus ekuiti melalui Menteri Kewangan Diperbadankan.

Dr Mahathir berkata penilaian berhati-hati terhadap pihak yang berminat mesti dilakukan kali ini.

"Kerana seperti yang kita tahu, kita menswastakannya kepada satu syarikat, dan apa yang mereka lakukan ialah bukannya mengkaji perjalanan loji rawatan air dan perkara seperti itu tetapi sibuk menjual saham," katanya.

Beliau berkata harga syarikat itu naik tetapi tidak ada apa-apa yang dilakukan di peringkat operasi.

IWK diamanahkan dengan pengurusan sistem pebetungan negara pada 1994 tetapi diambil alih oleh kerajaan tahun lepas setelah hutang terkumpulnya meningkat ke ratusan juta ringgit.

-- BERNAMA

MAM ZS LAT MAI